

15/08/13-1115J

CNS6080

U GB 15-08 00164 BA697

bah

MALAYSIA BBRSEDIA SERTAI PASUXAN TENTERA ISLAM BANTU RAXYAT BOSNIA

Mahathir - Bosnia

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia bersedia menyertai pasukan tentera di bawah panji-panji negara Islam bagi membantu rakyat Bosnia-Herzegovina sekiranya negara-negara Islam bersetuju berbuat demikian.

+Kalau negara-negara Islam setuju, kita teryaksa bersama-sama dengan negara Islam,+ kata Perdana Menteri hari ini ketika diminta mengulas cadangan Iran supaya negara-negara Islam member-i' bantuan ketenteraan kepada rakyat Islam Bosnia, yang kini menghadapi serangan dan penindasan oleh puak Serbia.

Wakil Khas pemimpin Iran, Ayatollah Ali Khamenei dilaporkan telah mencadangkan agar Menteri-menteri Luar dan Pertahanan semua anggota Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mengadakan perjumpaan bagi membincangkan perkara itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia menenyar cadangan itu bagi memastikansamaadaia boleh dilaksanakan.

+Biasanya, kita menempatkan tenterakita di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di negara lain,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA di sini. -- Lagi

'115/08/i 2-44MST

CNS6098

U GB 15-08 001.43 BA700

bah

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Beliau berpendapat negara-negara Islam patut menimbang perkara itu.

Katanya: +Kalauini boleh tolong mereka, kita patut timbang perkara ini.+

Dr Mahathir juga melahirkan rasa dukacita kerana PBB sekadar mengambil ketetapan untuk mengarahkan penggunaan tentera hanya bagi melindungi operasi bantuan kemanusiaan kepada orang awam di Bosnia-Herzegovina.

+Dimasa itu, mungkin ramai rakyat Bosnia telah terbunuh. Mungkin, akhirnya tidak ada orang Islam di Bosnia,+ kata beliau.

Khamis lepas, Majlis Keselamatan PBB meluluskan ketetapan mengarahkan, penggunaan tentera bagi melindangi operasi bantuan kemanusiaan.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan menimbang mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang telah merdeka daripada Yugoslavia seperti Croatia, Slovenia dan juga Bosnia-Herzegovina.

Antaralainnya, ini akan membolehkan Malaysia memberi kemudahan kepada rakyat; dari ketiga-tiga negara itu untuk ke sini. -- Lagi

15/08/13-09MST

CNS6125

UGB 15-08 00175 BA703

bab

Mahathir - Bosnia 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Jemaah Menteri membuat keputusan untuk memutuskan hubungan dengan Belgrade pada mesyuarat minggunya Rabu lepas bagi membantah tindakan pembunuhan dan penyiksaan terhadap rakyat Bosnia oleh puak Serbia.

Semalam Presiden Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah menyifatkan tindakan kerajaan itu sebagai satu kesilapan kerana ia akan meyakinkan Malaysia memberi bantuan kepada Bosnia.

Mengulas perkara itu, Dr Mahathir berkata : +Saya fikir Tengku Razaleigh tidak tahu hubungan luar negara,

+Yang sebenarnya kita tidak ada apa-apa di Bosnia. Bosnia adalah satu negara bebas sekarang ini. Sama dengan Slovenia. Sama dengan Croatia. Yang kita putus hubungan ialah dengan Serbia .+.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia tidak perlu sebarang +observation post+ (pemerhatian khusus) bagi mengikuti perkembangan di Bosnia kerana, liputan media massa mengenai keadaan negara itu amat eeluas.

Ketika ditanya status pemain-pemain bolasepak berbangsa Yugoslavia di negara ini, beliau berkata kerajaan mengkaji perkara itu.

Bagaimanapun, beliau berkata keputusan memutuskan hubungan melibatkan negara dan kerajaan dan bukan atas dasar individu. -- Bernama

♥15/08/13-52MST